From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 16 February, 2023 3:40:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BACAAN YASIN DAN TAHLIL SEMPENA HARI PENGASASAN UUM KE 39 TAHUN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2023 / 25 REJAB 1444H
==========
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: Mohd Fuad Hamid

BACAAN YASIN DAN TAHLIL SEMPENA HARI PENGASASAN UUM KE 39 TAHUN



UUM ONLINE: Sempena Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang ke-39 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Shahimi Mohtar bersama Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Dekan-dekan Pusat Pengajian, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab, Pengurus-pengurus, Pengetua-pengetua Inapan Siswa

(Inasis), Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), staf dan pelajar menyertai bacaan Yasin dan Tahlil di Masjid Sultan Badlishah kampus ini.

Terdahulu dalam ucapannya beliau memanjatkan doa agar universiti ini terus mencapai kejayaan seperti yang telah dirancang.

“Kita bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan kurnianya universiti yang berusia 39 tahun ini telah mencapai pelbagai kecemerlangan dan pencapaian,” ujarnya lagi.

Pastinya sebagai seorang muslim kita yakin dan bersyukur dengan kurniaan Allah taala sehingga kini.

Dalam meraikan ulang tahun ini pastinya jasa dan sumbangan mereka yang terdahulu juga tidak dilupakan dalam menyumbang idea yang bernas serta menggembleng tenaga dan harta mereka bagi melihat kejayaan universiti ini.

Manakala semua warga universiti pula diajak manfaatkan kecemerlangan di menara gading ini dengan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Moto Ilmu, Budi dan Bakti merupakan komitmen bersama sejak 39 tahun lalu yang kita dukungi sehingga kini.

Oleh itu berkhidmatlah dengan penuh semangat dan mengamalkan kerja secara berpasukan, teratur dan berganding bahu ke arah menabur bakti kepada rakyat dan negara ini.

Moga dengan penganjuran majlis bacaan yasin dan tahlil ini dapat menanamkan semangat kesyukuran dan pengharapan yang tinggi kepada Allah Taala mudah-mudahan UUM akan terus dilimpahi keberkatan dan kebaikan yang berpanjangan serta terus sejahtera dengan rahmat Allah Yang Maha Esa.

Sesungguhnya majlis tahunan ini diadakan bagi memanjatkan doa bersempena Ulangtahun Hari Pengasasan ini agar kita dapat mensyukuri pencapaian terdahulu dan merencana perancangan yang lebih baik pada masa akan datang.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.